

Student Emotions Due to Parental Divorce

Emosi Pelajar Akibat Perceraian Ibubapa

Siti Nor Syafiqah Mohammad, Mohd Nasir Masroom*

*Sekolah Pembangunan Sumber Manusia & Psikologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM
Johor Bahru, Johor, Malaysia*

*Corresponding author: m.nasir@utm.my

Article history: Received: 27 June 2019 Received in revised form: 07 November 2019 Accepted: 08 November 2019 Published online: 31 December 2019

Abstract

Divorce not only affects the husband and wife, but can also interfere with the psychological development of the child and to some extent disrupting their academic performance. Despite this, not all children whose parents are divorced face academic difficulties. This study aims to explore the emotional states of high-achieving students whose parents are divorced, and how they dealt with these emotions. This qualitative study utilised semi-structured interviews conducted to five randomly selected respondents who were high-achieving students whose parents were divorced. Data were analysed using the narrative analysis approach. The results showed that majority of the respondents experience negative emotions such as sadness, anger, depressed and sense of loss. Nonetheless, they also experience positive emotions namely surrender, acceptance and gratitude. They are able to manage their emotions because of their strengths and the accessibility of support from parents and others. In conclusion, high-achieving students with divorced parents are capable of managing their emotions and achieve academic excellence with the support of parents and other people around them.

Keywords: Divorced parents, excellent students, academics, emotional management, narrative analysis

Abstrak

Perceraian suami dan isteri bukan sahaja memberi kesan langsung kepada mereka, tetapi turut mengganggu perkembangan emosi, mental dan psikologi anak-anak, serta boleh mengganggu pencapaian akademik mereka. Namun, tidak semua anak-anak yang ibubapanya bercerai menghadapi masalah dalam akademik. Kajian ini bertujuan untuk meneroka keadaan emosi dalam kalangan pelajar cemerlang yang ibubapanya bercerai, dan bagaimanakah mereka menguruskan emosi tersebut. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan naratif analisis terhadap data temubual separa struktur yang diperolehi daripada lima orang pelajar yang dipilih secara persampelan bertujuan iaitu cemerlang akademik dan ibubapanya telah bercerai. Hasil kajian mendapati kebanyakan responden mengalami emosi negatif iaitu sedih, marah, tertekan dan rasa kehilangan. Namun, mereka turut mengalami emosi positif iaitu reda, terima dan syukur. Mereka berupaya menguruskan emosi mereka kerana kekuatan diri sendiri dan mendapat sokongan dari ibu bapa dan orang lain. Oleh itu, pelajar dari ibubapa bercerai mampu menguruskan emosi mereka dan mampu mencapai kecemerlangan akademik sekiranya mendapat sokongan dari ibu bapa dan orang di sekeliling mereka

Katakunci: Ibubapa bercerai, pelajar cemerlang, akademik, pengurusan emosi, naratif analisis

© 2020 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Keluarga adalah satu institusi yang membentuk personaliti, emosi dan tingkahlaku anak-anak. Keluarga yang harmoni dapat membentuk emosi anak-anak yang stabil dan positif. Sebaliknya, keluarga yang tidak harmoni boleh menyebabkan gangguan emosi, pemikiran dan tingkahlaku anak-anak (Lansford, 2009). Dewasa ini, kes perceraian meningkat saban hari kerana pelbagai faktor yang mendorong berlaku perceraian. Perceraian memberi kesan yang negatif seperti kekurangan kasih sayang dan perhatian terutama terhadap anak remaja kerana mereka sudah mula memahami erti kehidupan dalam hidup (Hamidah, Afandy, Norfaezah, Norsafatul, dan Hasbuna, 2013).

Selain itu, institusi keluarga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perkembangan pelajar. Keluarga yang lengkap terdiri daripada ibu, bapa dan anak-anak yang saling berkasih sayang mampu untuk membentuk minda yang sihat. Ini kerana kasih sayang merupakan unsur penting dalam membantu pembentukan minda individu. Manakala anak-anak yang tertekan biasanya menunjukkan gejala seperti agresif, mudah memberontak, marah yang tidak dapat dikawal, kemurungan, penyakit mental dan berpotensi untuk membunuh diri (Rebecca, 2012).

Di samping itu, ibu atau bapa tunggal yang menyara keluarga kerana kematian pasangan atau perceraian, mengalami emosi dan perasaan yang tidak stabil, rasa bersalah, rasa kehilangan dan kesepian. Malah mereka juga berasa tertekan dengan keperluan mencari pekerjaan dan tanggungjawab mendidik dan membimbing anak-anak (Rahman, 2008).

Perceraian merupakan satu fenomena global yang berlaku dalam institusi perkahwinan. Statistik perceraian secara umumnya mencatatkan peningkatan kes perceraian setiap tahun di kebanyakan negara di dunia seperti Russia, United Kingdom dan Amerika Syarikat

(Shabuddin, Johari, Abdullah, dan Aziz, 2016). Menurut Rebecca (2012), perceraian yang berlaku di akhir usia seseorang akan memberi impak psikologikal, emosi dan mental bukan sahaja pada diri individu tetapi juga kepada orang di sekeliling mereka, termasuklah anak-anak, keluarga dan masyarakat.

Terdapat pelbagai faktor di dalam keluarga yang menyebabkan berlakunya peningkatan statistik perceraian. Peningkatan kadar perceraian ini sudah pasti memberi kesan yang mendalam kepada anak-anak. Menurut Shima (2015), suami yang tidak menjalankan tanggungjawab dengan baik dan kurang ilmu yang berkaitan dengan hal-hal pengurusan rumahtangga juga boleh menyebabkan keadaan keluarga tidak teratur dan sering berlaku pertelingkahan. Keadaan keluarga yang tidak harmoni dan sering bertengkar boleh menyebabkan perceraian berlaku. Tambahan lagi, kurangnya pengetahuan dalam agama juga menyebabkan bilangan kes perceraian meningkat.

Maka dapat disimpulkan bahawa perceraian memberi kesan yang berbagai kepada setiap individu yang melaluinya. Selain itu, anak-anak juga turut terkesan dengan perceraian ibubapa terutamanya dari segi emosi, kasih sayang dan perhatian.

■ 2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Emosi Anak Iubapa Bercerai

Reaksi anak-anak terhadap perceraian adalah berbeza-beza mengikut personaliti dan hubungan mereka dengan ibu bapa. Menurut Yahaya, A., Ma'alip, H., Hashim, S., Boon, Y., dan Ramli, J (2009), reaksi anak-anak terhadap perceraian ini bergantung kepada beberapa faktor iaitu seperti faktor usia, jantina dan tahap ketidakharmonian yang wujud di dalam sesebuah keluarga sebelum berlaku perceraian serta tahap mana orang sekeliling bersedia memberikan sokongan moral terhadap anak-anak itu.

Zulkefli dan Mustapha (2016) menyatakan bahawa kesan perceraian dari ibu bapa akan memberi kesan emosi terhadap anak-anak yang masih belajar sama ada emosi negatif atau positif. Menurut Connies (1994), pelajar yang daripada keluarga bercerai akan berasa kehilangan yang mendalam dalam diri dan mudah terasa hati secara tiba-tiba dengan perkara yang terjadi disekeliling yang di luar kawalannya.

Menurut Rebecca (2012), perceraian akan memberi kesan emosi yang tidak stabil dalam melakukan rutin harian mereka. Kesan perceraian ini akan membentuk bermacam emosi di dalam diri anak-anak. Emosi negatif yang sering dikaitkan apabila berlaku sesuatu yang memberi kesan dalam diri remaja terhadap perceraian yang berlaku.

Selain itu, pelajar dari keluarga yang berhadapan dengan perceraian ibu bapa akan mengalami pelbagai emosi dan perasaan disebabkan ketiadaan ibu bapa sebagai peneraju utama dalam memastikan fungsi sesebuah keluarga berjalan dengan baik. Antara emosi yang sering dikaitkan dengan anak-anak apabila mengalami isu perceraian ibu bapa adalah perasaan sedih, tertekan, malu, marah, benci, bersalah dan sebagainya (Zulkefli dan Mustapha, 2016).

Manakala, Connies (1994) pula menjelaskan bahawa remaja lelaki lebih tertekan daripada remaja perempuan terhadap perceraian ibu bapa. Hal ini demikian, remaja lelaki kurang mendapat sokongan daripada ibu bapa, guru dan kawan-kawan berbanding remaja perempuan. Remaja perempuan biasanya meluahkan emosi sedih mereka dengan cara menangis dan menjerit.

Di samping itu, pelajar daripada keluarga yang bermasalah seperti perceraian ibu bapa akan berhadapan dengan masalah emosi akibat tekanan kerana mengalami keadaan hidup yang berbeza daripada keadaan yang sebelumnya (Ningrum, 2013). Anak-anak akan mengalami gangguan emosi dan konflik jiwa yang boleh menyebabkan berlakunya tekanan jiwa serta perkara yang boleh mengancam diri remaja tersebut. Menurut Belleau (2013), aspek emosi merupakan satu masalah yang sering membelenggu remaja kerana banyak cabaran dan rintangan yang perlu dihadapi.

Seterusnya, kajian Eddy (1994), menunjukkan bahawa selepas perceraian berlaku, anak-anak akan menunjukkan perubahan yang jelas dalam tingkahlaku. Pencapaian akademik adalah lebih rendah daripada mereka dalam kalangan keluarga yang sempurna. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa anak-anak daripada keluarga yang bercerai ini adalah kurang berdikari, lebih agresif dan tingkahlaku tidak baik berbanding anak-anak daripada keluarga sempurna.

Walaupun terdapat kajian yang mengatakan bahawa anak-anak dan pelajar yang berhadapan dengan perceraian ibu bapa mempunyai masalah emosi seperti tertekan, marah dan sedih tetapi terdapat juga pelajar daripada ibu bapa yang bercerai ini memperolehi keputusan akademik yang baik dan mampu untuk menyambung pelajaran mereka ke kolej dan universiti.

Menurut Fatin Hafizah (2014), perceraian juga memberi kesan yang positif terhadap sesetengah anak-anak supaya menjadi lebih berdikari. Dalam hal ini, anak-anak ini berusaha untuk berjaya dan mengubah kehidupan keluarganya menjadi lebih baik. Mereka juga berjaya menempatkan diri walaupun menghadapi kepelbagaian emosi akibat daripada perceraian ibu bapa mereka. Haryani Ngah (2019) melaporkan berita berkenaan kecemerlangan pelajar MRSM walaupun mereka daripada keluarga ibubapa bercerai. Ini membuktikan bahawa perceraian bukan penghalang kejayaan anak-anak, malah turut menjadi pembakar semangat pelajar dalam mengubah kehidupan keluarga pada masa depan.

2.2 Pengurusan Emosi

Kajian Zulkefli dan Mustapha (2016), bertujuan untuk mengetahui emosi yang ditunjukkan oleh pelajar lelaki dan perempuan bila berhadapan dengan perceraian ibu bapa dan pengurusan emosi antara jantina. Kajian menunjukkan bahawa krisis perceraian dalam keluarga menyebabkan pelajar perempuan lebih mempunyai perasaan malu berbanding lelaki. Dari sudut emosi positif, remaja perempuan lebih menunjukkan kepada emosi positif iaitu sayang berbanding pelajar lelaki. Namun demikian pelajar lelaki lebih mempunyai emosi gembira. Selain itu, remaja lelaki lebih tertumpu kepada emosi negatif seperti benci dan marah berbanding perempuan. Dari sudut keperluan emosi, pelajar perempuan kurang meluahkan emosi berbanding lelaki. Hasil kajian mendapati rata-rata responden menguruskan emosi dengan bantuan daripada rakan baik dan diikuti dengan bantuan dari ibu dan kaunselor.

Manakala Sham (2005), mendapati majoriti pelajar mengalami tekanan emosi dan menunjukkan simptom gangguan psikologi. Dalam menangani tekanan kerana ibu bapa yang bercerai, kebanyakan pelajar menggunakan cara yang positif walaupun ada yang mengambil tindakan negatif seperti merokok dan mengambil dadah. Kajian Supratman (2015) menunjukkan pelajar di kalangan ibu bapa

bercerai memerlukan sokongan dan komunikasi antara anak dan kedua ibu bapa. Ia bertujuan, untuk membina semula konsep diri anak-anak yang telah terkejut dengan krisis keluarga yang telah berlaku. Sokongan dari individu terdekat juga membolehkan pelajar tersebut akan cenderung untuk berfikir positif dan mereka boleh menerima perceraian ibu bapa.

Walaupun sudah ibubapa bercerai, anak-anak masih memerlukan sokongan dari ibu bapa. Kesediaan mereka untuk meluahkan emosi bergantung kepada sokongan yang mereka dapat dari keluarga bagi menghadapi situasi tersebut. Sokongan keluarga memainkan peranan penting dalam membantu pembentukan tingkahlaku supaya tidak terjebak dengan permasalahan sosial.

Dalam hal ini, Chaplin dan Aldao (2013) menjelaskan, pelajar perempuan lebih terbuka untuk meluahkan emosi seperti rasa sedih, kebimbangan dan simpati. Manakala pelajar lelaki pula meluahkan emosinya melalui emosi luaran seperti kemarahan. Perbezaan jantina dalam ekspresikan emosi yang positif adalah lebih ketara dengan peningkatan usia. Emosi yang ditunjukkan berdasarkan beberapa faktor yang telah berlaku di dalam kehidupan mereka. Selain itu, pelajar perempuan melahirkan emosi dalaman seperti kesedihan, ketakutan, simpati dan malu daripada pelajar lelaki apabila dalam keadaan negatif. Pelajar lelaki pula lebih menunjukkan emosi luaran seperti agresif, kemarahan apabila mereka berada di dalam keadaan negatif.

Kajian Nisfiannoor dan Eka (2005) menunjukkan bahawa pelajar yang dikalangan ibu bapa bercerai ternyata lebih agresif ekspresikan emosinya. Emosi yang ditunjuk adalah melalui verbal dan non-verbal. Pengkaji juga menekankan bagi membantu pelajar dapat menguruskan emosi agresif itu, ibu bapa tetap berkomunikasi dengan anak sehingga mereka tersebut mampu menerima keadaan keluarga yang telah bercerai. Dalam kajian ini juga menunjukkan bahawa, pelajar yang berada dalam kalangan ibu bapa bercerai lebih cenderung untuk melakukan masalah sosial disebabkan emosi agresif terhadap keluarga yang tidak harmoni.

Di dalam kajian Sarbini dan Wulandari (2014), hasil dapatan menunjukkan bahawa anak-anak mempunyai pelbagai emosi yang dirasakan apabila ibu bapa bercerai. Antara perasaan yang ditunjukkan oleh mereka adalah merasa tidak aman dan berfikir bahawa masa depannya akan suram. Mereka juga menunjukkan perasaan sedih, marah, kesepian dan menyalahkan diri sendiri. Emosi yang tidak stabil ditunjukkan oleh anak-anak ini adalah apabila mereka merasakan kurang kasih sayang dari ibu bapa setelah bercerai. Di dalam kajian ini juga menunjukkan bahawa kaedah dalam menguruskan emosi anak-anak adalah dengan melibatkan ibu bapa untuk memotivasikan anak-anak dan memberikan sokongan agar anak melakukan rutin harian tanpa terbatas. Penglibatan ibu bapa terhadap emosi anak-anak sangat penting kerana disaat perceraian berlaku anak-anak masih lagi tidak memahami sepenuhnya apa yang berlaku.

2.3 Sokongan Emosi

Menurut Zakaria, Ahmad dan Noranizah (2012) di dalam kajiannya, bahawa faktor persekitaran sosial terutama ibu bapa, rakan sebaya, guru, media massa dan sebagainya memainkan peranan yang cukup penting dalam pembentukan jati diri individu. Hal ini kerana, apabila pelajar menghadapi permasalahan, ia memerlukan sokongan daripada individu yang terdekat dengan mereka bagi memahami apa yang telah dirasai oleh mereka. Elemen sosial yang sedia wujud dalam kehidupan pelajar perlu digerakkan secara bersepadu agar mereka turut memberi sumbangan yang positif terhadap pembinaan generasi muda yang dinamik, berketrampilan dan berakhlak mulia.

Di dalam kajian Zulkefli dan Mustapha (2016), keluarga terutamanya ibu bapa bertanggungjawab dalam memberikan sokongan kepada anak-anak walaupun perceraian telah berlaku. Hal ini demikian, walaupun ibu bapa sudah bercerai sokongan dari sudut keperluan dalaman iaitu sokongan emosi harus diberikan kepada anak-anak. Tambahan pula, keharmonian keluarga turut dicapai melalui hubungan kekeluargaan yang baik dalam sesebuah keluarga.

Penglibatan rakan sebaya dalam memberi sokongan terhadap pelajar dalam meningkatkan motivasi dan bersemangat dalam meneruskan kehidupan dengan baik (Mustapha dan Masdin, 2014). Menurut Amato (2000), remaja lebih banyak menghabiskan masa bersama rakan dan memudahkan pelajar dalam meluahkan segala rasa terhadap rakannya sendiri. Penyataan ini disokong oleh Coats dan Blanchard (2008) di dalam kajiannya menyatakan bahawa kebanyakan pelajar meluahkan perasaan sedih dan marahnya kepada kawan yang mereka rapat dalam memahami situasi yang dirasai. Tambahan lagi, sokongan dari rakan semasa pelajar mengalami kesukaran dalam mengawal emosi dengan baik sangat penting untuk membantu mereka tidak melakukan perkara yang negatif.

Jelaslah bahawa perceraian lebih membawa kepada kesan negatif terutamanya dari aspek emosi, perasaan dan psikologi anak-anak. Keadaan ini boleh menjejaskan pembangunan sendiri dan terhalang daripada mendapat kasih sayang yang sempurna, serta mengganggu pencapaian akademik mereka. Oleh itu, kajian ini cuba meneroka emosi yang dialami oleh para pelajar yang ibubapanya bercerai dan bagaimana mereka menguruskan emosi tersebut. Selain itu, kajian turut cuba menghuraiakan faktor pendorong kepada kecemerlangan akademik pelajar-pelajar ini.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan naratif analisis yang berfungsi menerangkan sesuatu peristiwa biasanya dari satu atau dua individu untuk membentuk kisah yang padat secara keseluruhannya. Kajian ini menggunakan kaedah temubual separa struktur iaitu penyediaan soalan temubual bagi mencapai objektif kajian. Soalan temubual telah dibina bersama Penyelia kajian berdasarkan daripada tiga idea utama iaitu mengenalpasti emosi, menguruskan emosi dan faktor pendorong. Lima orang responden terlibat kajian ini melalui kaedah persampelan bertujuan kerana mereka mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki dalam kajian ini (Piaw, 2012) iaitu pelajar yang cemerlang akademik dengan pencapaian mata nilai kumulatif 3.50 dan keatas, serta ibubapa yang telah bercerai. Untuk memastikan kerahsiaan responden, Borang Kebenaran Responden telah diperolehi sebelum temubual dijalankan dan pengkaji menggunakan label NSS, NHA, NHH, NEA, dan NNK sebagai mewakili responden.

Semua temubual telah dirakam dan temubual tersebut ditranskrip dalam perkataan serta dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Pengkaji telah mengenalpasti tema, melihat corak dan mencari hubungan terhadap data yang diperolehi dari responden. Tambahan pula, data analisis melibatkan sintesis, perbandingan, penilaian, tafsiran dan kategori terhadap tema tersebut (Williams, 2007). Pengkaji melihat tema-tema yang muncul, seterusnya mengkategorikan tema, mengasingkan atau menggabungkan tema dan menulis laporan untuk tema-tema yang telah diperolehi.

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Profil Responden

Jadual 1 menunjukkan profile para responden yang mempamerkan tempoh perceraian ibu bapa yang telah berlaku adalah dalam lingkungan 4 hingga 20 tahun, di mana perceraian itu berlaku semasa responden masih lagi di alam kanak-kanak. Umur para responden dalam lingkungan 20 hingga 23 tahun. Manakala tahap pendidikan responden yang dipilih kebanyakan yang sedang mengambil ijazah dan diploma di universiti.

Jadual 1 Profile Responden

BIL	RESPONDEN	UMUR	SIJIL	TEMPOH
1.	NSS	22	Ijazah	10 tahun
2.	NHA	20	Diploma	20 tahun
3.	NHH	22	Ijazah	12 tahun
4.	NEA	23	Ijazah	20 tahun
5.	NNK	22	Ijazah	4 tahun

4.2 Emosi Yang Negatif Dialami

Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden menunjukkan emosi negatif yang dialami berdasarkan dengan peristiwa yang telah berlaku terhadap perceraian ibu bapa iaitu sedih, marah, tertekan, kehilangan dan keliru. Jadual 2 menunjukkan jenis emosi negatif yang dialami oleh para responden.

Jadual 2 Emosi Negatif

Bil	Subtema	NSS	NHA	NHH	NEA	NNK
1.	Sedih	X	X	X	X	X
2.	Marah	-	-	X	X	X
3.	Tertekan	X	X	X	-	X
4.	Kehilangan	X	X	X	-	X

4.2.1 Subtema 1 - Kesedihan

Tidak mengejutkan apabila semua responden menyatakan rasa sedih dengan perceraian ibubapa mereka. Sebagai contoh, Responden NSS menyatakan bahawa beliau berasa sedih apabila mengetahui ibu bapanya sudah bercerai. Pernyataan beliau adalah “*So, perasaan tu macam rasa sedih sikit la (sambil pandang bawah). Tapi bukan sedih sikit laa, tapi memang sedih banyak laa*”. (NSS, 2017: 47- 48). Antara pernyataan seterusnya yang menunjukkan beliau sedih adalah “*Sedih tu datang bila selalu tengok ayah duduk sorang sorang, macam takde tempat nak bercerita*”. (NSS, 2017: 110-11).

Responden NHA pula menyatakan berasa sedih dengan perceraian ibu bapanya yang telah berlaku. Dia “*...bila dah besar tu nak kata macam sedih tu, ada la kan. Siapa je yang tak sedih mak ayah kita bercerai*”. (NHA, 2017: 28-29). Selain itu, NHA juga menyatakan bahawa dia berasa sedih apabila melihat kawan-kawannya masih mempunyai ibu bapa. Katanya, “*...kadang saya duduk dekat penjuru yang macam dekat koridor dekat asrama tu kan, saya akan tengok je dan rasa macam sedih la kenapa aku tak rasa macam orang lain rasa macam tu kan*.” (NHA, 2017: 59-61). Sepanjang temubual ini, NHA mengulangi pernyataan berasa sedih sebanyak enam kali untuk menggambarkan perasaannya ketika itu.

Seterusnya adalah responden NEA, berasa sedih apabila disebabkan perceraian beliau hilang sumber pendapatan daripada ayahnya. Katanya, “*...sebab effect dari perceraian tu juga la kitaorang ni pun macam hilang la punca pendapatan maksudnya ayah dah tak ada kan*.” (NEA, 2017: 147-149). Manakala responden NNK pula berasa sedih dengan perceraian ibubapanya kerana merasa sendirian dan tiada tempat mengadu. Menurutnya “*...sedih tu memang tak payah cakap sebab selalu je nangis sorang-sorang. Bayangkan la kita ni tak ada sesiapa yang boleh nak luahkan*” (NNK, 2017: 41-42). Selain itu, kesedihannya kerana lebih memahami situasi yang berlaku dan mudah tersentuh dengan perceraian ibubapanya. Dia menyatakan “*...sebab kita dah besar ni kadang lebih faham dan perasaan tu senang je nak tersentuh*.” (NNK, 2017: 125). Responden ini mengulangi perkataan sedih sebanyak tujuh kali sepanjang temubual dijalankan dalam memberikan gambaran kesedihan yang dialami.

4.2.2 Subtema 2 – Marah

Responden NHH berasa marah apabila ayahnya terlalu melebihkan keluarga lagi satu. Katanya “*kadang bila dah besar ni budak perempuan ada rasa iri hati juga la. Macam eh.. Ayah ni macam asyik lebihkan dia orang je family satu lagi tu la*” (NHH, 2017: 70-72). Bagi responden NEA, dia juga berasa marah apabila ayahnya tidak datang berjumpa dengannya dan adik beradik yang lain. Dia menyatakan “*...bayangkan la kurang dari 10 kali tau jumpa dengan ayah lepas perceraian yang dah hampir 20 tahun berlaku*.” (NEA, 2017: 264-265). Manakala responden NNK berasa marah apabila perceraian itu berlaku kerana perceraian itu telah mengganggu hubungan yang rapat dengan ayahnya. Katanya, “*...sebab, yela, siapa tak terasa marah. Saya rapat dengan papa, bila ada orang lain, macam kacau papa saya rasa*.” (NNK, 2017: 60-61).

4.2.3 Subtema 3 – Tertekan

Responden NSS menyatakan bahawa beliau berasa tertekan apabila perceraian itu berlaku. Menurutnyanya, “...kadang rasa tertekan jugak ada la.” (NSS,2017: 176). Selain NSS, responden NHA juga berasa tertekan apabila terlalu memikirkan perceraian kedua ibubapanya, dia menyatakan “...sebab kalau kita asyik terlalu fikir je tu yang akan membuatkan kita macam stress.” (NHA, 2017: 91-92). Manakala responden NHH merasakan tertekan dengan apa yang orang lain cakapkan kepadanya akibat perceraian kedua ibubapanya. Menurutnyanya, “...so masa tu memang mental breakdown juga la sebab dia cakap kau ni anak takde bapak la semua, pastu dia cakap kau ni bodoh macam mak kau.” (NHH, 2017: 108-110).

Manakala, responden NNK pula berasa tertekan dengan pergaduhan yang sering berlaku antara ibu dan bapanya. Katanya, “...yela kan, siapa yang tak stress bila mak ayah gaduh lagi-lagi masa kita nak ambik exam besar kan. Hmm.. Masa tu saya rasa macam fed up lepastu memang rasa down la nak ambik exam masa tu.” (NNK, 2017: 34-36).

4.2.4 Subtema 4 – Kehilangan

Responden NSS merasakan suatu kehilangan di atas perceraian itu yang menyebabkannya kehilangan ibu kandungnya sendiri. Katanya “...bila mak ada ke takde ke, dia tak rasa sangat. Kehilangan tu ada tapi, nak tak nak kita kena adapt jela, sebab umur masa tu pun baru je 2 tahun.” (NSS, 2017: 159-16). Bagi responden NHA pula, rasa kehilangan akibat perceraian tersebut selepas mendapati ketiadaan ibubapa dalam hidupnya. Dia menjelaskan, “...yela, saya masa tu 6 bulan kan memang macam tak dapat rasa la macam mana ada mak ayah tu dalam hidup kita kan. Tapi sekarang...” (NHA, 2017: 61-62).

Begitu juga responden NHH yang juga berasa kehilangan apabila melihat kawan-kawannya mempunyai ibu bapa yang masih Bersama. Menurut katanya, “...yela kita fikir balik dorang ada parents dua-dua kan tapi kita takdelah. Ha macam tu la.” (NHH, 2017: 45-46).

Seterusnya responden NNK juga berasa sangat kehilangan dengan perceraian itu dan mengulanginya sebanyak tiga kali. Dia menyatakan, “...sebab yela mula-mula terasa la jugak yang macam tak happy macam dulu lagi bila balik rumah pun macam.. hmm, tak ada apa, macam kosong la kan.” (NNK, 2017: 102-103).

4.3 Emosi Positif Yang Dialami

Selain emosi negatif, para responden turut mengalami emosi positif seperti reda, dapat menerima dan bersyukur seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3 Emosi Positif

Bil	Subtema	NSS	NHA	NHH	NEA	NNK
1.	Reda	X	X	X	-	X
2.	Menerima	X	X	X	X	-
3.	Bersyukur	-	X	X	-	X

4.3.1 Subtema 1 – Reda

Responden NSS menyatakan emosi positif yang dialami terhadap perceraian ibu bapa beliau apabila beliau reda dengan apa yang terjadi dan menganggap ibu bapanya sudah tiada jodoh. Kenyataan NSS, “...kita kena reda, reda yang mak dan ayah yang jodohnya tak panjang, memang setakat tu je, so kita kene hadaplah benda alah tu.” (NSS, 2017: 92-93). Begitu juga dengan responden NHA yang menunjukkan emosi positif dengan menyatakan beliau redha bahawa ibu bapanya tiada jodoh lagi. Katanya “...so macam tanggapan saya? Hmm, tak apa lah dah memang bukan jodoh kan.” (NHA, 2017: 52). Keadaan yang sama juga bagi responden NHH menyatakan bahawa dia reda dengan apa yang telah terjadi dengan menyatakan, “harapan untuk parents tu dah reda la. Ayah ada family lain ibu still dengan kita orang.” (NHH, 2017: 268).

Manakala NNK menyatakan beliau berasa reda dengan perceraian yang telah terjadi. NNK menyebut “...tapi tu la. Hmm, kadang benda dah nak jadi ni pun kita cakap apa pun tetap jadi kan.” (NNK, 2017: 23-24). Pengulangan ayat redha yang telah diungkapkan bahawa beliau reda antara ibu bapanya tiada jodoh. Katanya, “...tu la kadang-kadang saya harap juga dorang berbaik semula macam dulu-dulu. Hmm, tapi tu la, bukan jodoh lagi nak buat apa lagi kan.” (NNK, 2017: 78-79).

4.3.2 Subtema 2 – Menerima

Selain redha, para responden juga didapati dapat menerima kenyataan bahawa ibubapa mereka telah bercerai. Bagi responden NSS, dia dapat terima dengan perceraian tersebut. Dia menyatakan, “...nak taknak benda dah berlaku kita kena je terima, walau sedih macam mana ke. Apapun kena terima.” (NSS, 2017: 271-271). Keadaan ini turut dirasai oleh responden NHA, menurutnyanya, “...bila dah besar macam dapat terima la keadaan tu.” (NHA, 2017: 120). Penekanan kenyataan terima diungkapkan sebagai “...semua dah boleh la terima sebab masing-masing dah besarkan.” (NHA, 2017: 117).

Manakala responden NHH mengungkapkan bahawa dia boleh terima dengan apa yang telah berlaku, katanya “...tapi bila dah besar ni barulah rasa macam... (boleh terima). Eh, kenapa masa kecik tu masa darjah tiga tu tak rasa apa-apa kan.” (NHH, 2017: 35-36). Bagi responden NEA, menggambarkan emosi positifnya dengan menyebut bahawa dia berasa boleh terima dengan ketiadaan ayahnya selepas berlaku perceraian itu. Ayat yang dinyatakan oleh NEA “...tapi bila dah besar ni, hmm, macam, hmm, takpelah. Sebab kita pun dah ada ayah baru kan so kita rasa macam oh takpelah ayah kandung letak ke belakang.” (NEA, 2017: 38-39).

4.3.3 Subtema 3 – Bersyukur

Sebahagian responden raya bersyukur dengan perceraian ibubapa mereka. Bagi responden NHA, rasa bersyukur kerana walaupun perceraian ini telah berlaku, hubungan antara ibu bapa beliau masih lagi baik. Menurut NHA, “...*Alhamdulillah la walaupun saya sendiri tak pernah rasa kasih sayang dari kecil dengan mak kan, tapi mak ayah masih lagi okay dan saya harap masing-masing bahagia dengan pilihan sendiri.*” (NHA, 2017: 229-230).

Manakala responden NHH juga menyebut bahawa berasa bersyukur kerana walaupun ibu bapanya telah bercerai tetapi dia mempunyai pengalaman untuk terus berdiri dalam meneruskan hidup. Dia menyatakan, “...*so pada kita lah, bersyukur kita beruntungnya kita ni bila kita dapat rasa benda tu at least ada extra ordinary untuk kita dapat standing sampai sekarang.*” (NHH, 2017: 167-169).

Selain itu, responden NNK juga menyatakan rasa bersyukur dengan perceraian dan tidak terlalu mengikutkan emosi dalam memikirkan peneraian ibu bapanya. Dia mengungkapkan, “...*tapi sekarang ni Alhamdulillah. Ok je tak ada la macam ikut emosi sangat.*” (NNK, 2017: 64).

4.4 Strategi Mengurus Emosi

Terdapat beberapa strategi yang dilakukan oleh para responden untuk menguruskan emosi yang dihadapi akibat perceraian ibu bapa mereka. Strategi yang paling banyak diungkapkan dalam menghadapi emosi negatif adalah sokongan dari keluarga. Tindakan menyibukkan diri dinyatakan oleh kesemua responden kecuali responden NEA. Namun, responden NHA meluahkan perasaan yang dihadapinya kepada rakan-rakannya. Begitu juga, tindakan keluar dengan kawan diungkapkan oleh responden NSS dan responden NNK dalam usaha untuk mendapatkan sokongan mereka dan melupakan sebentar emosi negatif yang dialami oleh responden. Jadual 4 merupakan subtema strategi mengurus emosi yang telah dinyatakan oleh para responden.

Jadual 4 Strategi Mengurus Emosi

Bil	Sub Tema	NSS	NHA	NHH	NEA	NNK
1.	Sokongan Keluarga	X	X	X	X	X
2.	Sokongan Rakan	X	X	-	-	X
3.	Sibuk Diri	X	X	X	-	X

4.4.1 Subtema 1 – Sokongan Keluarga

Bagi responden NSS, dia selalu meluahkan rasa sedih dan mendapatkan sokongan dari ayahnya. Dia mengatakan, “...*kadang-kadang ada jugak, cerita dengan ayah melalui whatsapplah.*” (NSS, 2017: 118-119). Selain ayah, responden NHA pula mendapat sokongan dari adik-beradik yang mententeramkan supaya tidak terlalu memikirkan perasaan sedih itu. Katanya, “...*adik beradik pun selalu juga tenteramkan. Yelah, kita ni anak bongsu kan, yang abang-abang dengan kakak-kakak semua banyak cakap supaya kita tak payah nak rasa sedih sangat kan, sebab benda dah memang jadi semuanya.*” (NHA, 2017 :101-103).

Responden NHH pula mendapat sokongan dari ibunya yang banyak membuatkan dia berasa gembira dan dapat melupakan peristiwa tersebut. Menurut katanya, “...*so, the way dia tenteramkan kitaorang dia buat kita orang happy, ajak kitaorang keluar ke. Ha itu cara mak. Dia selalu je buat kitaorang gelak. Dia banyak buat kita orang lupa la dengan apa yang jadi.*” (NHH, 2017: 145-147).

Manakala sokongan ibu kepada responden NEA sehingga membuatnya menganggap ayah masih lagi ada tinggal bersama. Ini adalah kerana ibunya mahu menghilangkan rasa tertanya-tanya dalam kalangan anak-anak. Ungkapannya, “...*macam, kadang ada je tanya dengan mak, mana ayah semua kan. Tapi kadang mak cakap la yang ayah pergi kerja la kerja jauh la.*” (NEA, 2017: 62-63).

Selain itu, sokongan dari ibu juga membuatkan responden NNK mempunyai semangat untuk terus kuat dalam menghadapi peristiwa tersebut. Kata yang dilafazkan, “...*Alhamdulillah, sebab mama sendiri kuat dan dia selalu cakap kata-kata yang macam naikkan semangat kita ni kan.*” (NNK, 2017: 103-105).

4.4.2 Subtema 2 – Sokongan Rakan

Selain sokongan ahli keluarga, para responden juga dapat sokongan daripada rakan-rakan. Contohnya responden NSS menyebut bahawa apabila dia ingin meredakan perasaan yang dialami, dia akan keluar berjalan dengan kawan-kawan untuk tidak memikirkan apa yang dirasakan. Katanya, “...*tapi kadang bila rasa tertekan jugak ada la saya keluar jalan-jalan ke macam tu dengan kawan-kawan untuk hilangkan stress ni.*” (NSS, 2017: 176-177).

Manakala responden NHA juga menyebut bahawa dia meredakan perasaan yang dialami dengan meluahkan dan keluar berjalan dengan kawannya. Dia menyatakan, “...*tapi la kan, bila saya rasa yang macam sedih sedih sangat macam tak dapat la nak kawal sendiri memang saya akan cari seseorang untuk keluar jalan-jalan dan saya luahkan rasa saya ni, selalunya kawan baik saya la sendiri.*” (NHA, 2017: 95-97).

Bagi responden NNK, keluar dengan kawan-kawan juga boleh membuat dirinya melupakan masalah perceraian ibu dan bapanya. Dia menyebutkan, “...*lagipun bila ada kawan kawan sekeliling pun boleh je buat kita lupa masalah kita kan.*” (NNK, 2017: 105-106). Malah dia menegaskan, “...*nanti saya ajak la kawan-kawan keluar ke, sebab masa kita bila dengan dorang jalan-jalan, buat la apa-apa supaya rasa sedih tu macam tak selalu datang kat diri sendiri.*” (NNK, 2017: 108-110).

4.4.3 Subtema 3 – Sibuk Diri

Selain mendapat sokongan daripada keluarga dan rakan, para responden juga cuba menangani emosi mereka dengan melakukan aktiviti yang membuat diri mereka sibuk, sekaligus dapat membuat mereka melupakan sebentar masalah pencerian ibubapa mereka. Contohnya responden NSS, dia menyatakan bahawa dia akan selalu sibukkan diri untuk tidak terlalu memikirkan perasaan yang dirasakan. Dia menyebutkan, “...kadang bila saya nak elak asyik fikir saya selalu je buat kerja lain untuk takdelah fikirkan sangat.” (NSS, 2017: 130-131).

Begitu juga responden NHA yang memilih untuk sibukkan diri supaya tidak terlalu ikutkan emosi yang dirasakan. Dia menyatakan, “...jangan terlalu memikirkan sangat la perasaan sedih tu, kalau macam rasa nangis ke apa cepat-cepat stop kan jangan buat macam terlalu melarat sedih tu.” (NHA, 2017: 90-91).

Bagi responden NHH, dia kerap membuat dirinya sibuk supaya pemikirannya tidak hanya tertumpu dan memikirkan terhadap perceraian itu sahaja. Dia juga menyatakan dengan sibukkan diri akan membuatnya lebih memikirkan perkara yang boleh dilakukan supaya terus berdiri. Dia menegaskan, “...benda tu yang buat mindset kita macam apa nak jadi dengan lepas, yang lepas tu satu experience yang aku kena pegang sampai akan datang.” (NHH, 2017: 169-171).

Seterusnya responden NNK menyatakan dia akan cuba melakukan aktiviti lain bagi mengelakkan perasaan sedih itu hadir. Keluhnya, “...macam kalau tiba tiba teringat atau rasa sedih ke apa cepat-cepat buat benda lain supaya macam tak fikir sangat.” (NNK, 2017: 106-107).

■5.0 PERBINCANGAN

5.1 Emosi Anak Selepas Perceraian

Hasil kajian ini mendapati bahawa anak-anak yang ibubapanya bercerai mengalami emosi negatif iaitu sedih, marah, tertekan dan rasa kehilangan. Hasil dapatan kajian menunjukkan emosi negatif yang ditunjukkan adalah disebabkan perceraian yang berlaku menyebabkan responden rasa kehilangan apabila ketiadaan ibu dan bapa dirumah. Emosi sedih terhadap perceraian ibu bapa yang telah berlaku adalah lebih kerap dinyatakan berbanding dengan emosi yang lain. Dapatan ini selari dengan Chaplin dan Aldao (2013), anak-anak akan melahirkan emosi negatif seperti kesedihan, marah dan tertekan apabila berlaku perceraian ibu bapa.

Selain itu, menurut Rahman (2008), anak-anak ini akan mengalami rasa bersalah, rasa kehilangan dan kesepian. Ini kerana, mereka kehilangan ibu atau bapa sebagai penggerak utama dalam menguruskan sesebuah keluarga agar berfungsi dengan baik. Ini selari dengan pandangan Coleman dan Snarey (2011) yang menyatakan bahawa emosi adalah rangsangan fisiologi yang disebabkan oleh peristiwa luaran disekelilingnya yang telah berlaku. Berkaitan hal ini juga dijelaskan oleh Zulkefli dan Mustapha (2016) iaitu anak-anak ini mengalami perasaan sedih, tertekan, malu, marah, benci dan bersalah. Manakala Eddy (1994) menyatakan anak-anak ibubapa bercerai mengalami emosi negatif iaitu kurang berdiskusi, lebih agresif dan tingkahlaku tidak baik berbanding anak-anak daripada keluarga sempurna. Justeru itu, penting kepada ibubapa yang mempunyai niat untuk bercerai agar menimbang semula keputusan mereka. Ini kerana kesan emosi negatif ini dibimbangi memberi kesan yang berpanjangan kepada anak-anak mereka.

5.2 Mengurus Emosi Negatif

Sungguh pun perceraian banyak mengundang episod sedih, marah dan kecewa, namun dari satu sudut yang lain, sebahagian anak-anak turut mengalami emosi positif seperti dapat menerima, reda dan bersyukur kerana masalah yang dihadapi oleh ibubapa mereka dapat diselesaikan walaupun terpaksa melalui pencerian. Ini turut dijelaskan oleh Zulkefli dan Mustapha (2016) menyatakan bahawa kesan perceraian dari ibu bapa akan memberi kesan terhadap pelajar untuk menunjukkan emosi yang negatif mahupun positif. Dalam kajian ini, dilaporkan bahawa anak-anak yang ibubapanya bercerai mengalami emosi positif seperti reda, menerima dan bersyukur.

Menurut Fatin Hafizah (2014), perceraian juga memberi kesan yang positif terhadap sesetengah anak-anak dengan menjadi lebih berdiskusi. Anak akan berusaha untuk berjaya dan mengubah kehidupan keluarganya menjadi lebih baik. Mereka juga berjaya menempatkan diri walaupun menghadapi kepelbagaian emosi akibat daripada perceraian ibu bapa mereka. Selain itu, media massa juga banyak melaporkan bahawa terdapat pelajar yang dijaga oleh ibu tunggal telah menjadi pelajar yang cemerlang dan mendapat Anugerah Pelajar Cemerlang. Ini membuktikan bahawa perceraian bukan memberi kesan yang negatif sahaja terhadap anak-anak, malah ia juga menjadi pembakar semangat dalam mengubah kehidupan keluarga pada masa depan.

Emosi positif yang ditunjukkan adalah kerana responden menggunakan cara yang berkesan bagi meredakan emosi yang dihadapi. Kajian Chaplin dan Aldao (2013) menelakan bahawa peningkatan usia dalam perbezaan jantina dalam meluahkan emosi yang positif adalah lebih ketara. Emosi positif yang dilahirkan juga disebabkan beberapa faktor yang berlaku disekelilingnya. Apabila keadaan yang dihadapi oleh responden membantu untuk mereka reda dalam emosinya, ia akan mampu meluahkan emosi positif dalam kehidupan seharian. Ia bermaksud, responden mengalami emosi negatif atau positif adalah bergantung kepada cara meluahkannya dan pemikiran responden terhadap peristiwa yang telah berlaku. Dengan kata lain, semakin rasional responden terhadap pencerian ibubapanya, semakin positif emosi yang dialami.

5.3 Faktor Pendorong Cemerlang Akademik

Terdapat beberapa strategi yang boleh digunakan untuk menguruskan emosi anak-anak ini. Terutamanya para pelajar yang berada dalam kalangan ibu bapa bercerai perlu bijak dalam mengawal emosi dari sudut penerimaan, kesan dan kaedah dalam menguruskan emosi. Hal ini kerana, perubahan di dalam keluarga akan memberi kesan terhadap anak-anak dari sudut emosinya dalam menyesuaikan keadaan yang baru. (Arkes, 2013). Pelajar perlulah menyusun strategi pembelajaran yang berkesan agar pencapaian akademik akan kekal cemerlang walaupun mereka dalam kalangan keluarga yang bercerai.

Selain itu, memberi sokongan emosi kepada pelajar dalam kalangan ibubapa bercerai adalah satu strategi yang boleh dilakukan oleh pihak yang terlibat iaitu ibubapa dan pihak sekolah atau kolej tempat anak-anak ini belajar. Peranan paling penting dalam institusi keluarga dalam melahirkan anak-anak yang berjaya adalah ibubapa sendiri. Ibubapa seharusnya memberikan perhatian dan kasih sayang yang secukupnya kepada anak-anak bukan sekadar menyediakan kelengkapan yang cukup malah mengambil berat tentang perasaan, rutin harian anak-anak dan segala gerak-geri anak-anak. Dalam hal ini, anak-anak akan menjadi dalam perceraian yang berlaku kerana ibu bapa sudah tidak duduk bersama. Oleh itu, ibu bapa harus memainkan peranan penting dalam membentuk dan selalu berkomunikasi dengan anak-anak walaupun hubungan ibu bapa sudah berpisah.

Dalam kajian ini mendapati bahawa responden menguruskan emosi dengan mendapatkan sokongan dari ibu bapa mereka sendiri. Hal ini dinyatakan di dalam kajian Zulkefli dan Mustapha (2016) yang menyatakan bahawa ibu bapa yang bertanggungjawab dalam memberikan sokongan kepada anak-anak walaupun perceraian itu sudah berlaku. Hal ini kerana, bagi pelajar, perceraian akan menjejaskan pelajarannya sekiranya tiada sokongan dan semangat moral dari ibu bapa. Sokongan ibu bapa menjadi elemen utama dalam mengawal emosi anak-anak dari berasa lebih tertekan yang akan menjejaskan pelajarannya (Zakiah dan Ismail, 2004).

Perceraian ibu bapa akan memberi kesan terhadap anak-anak apabila tidak diuruskan dengan baik. Ia juga mampu memberi kesan kepada pelajaran anak-anak. Oleh itu, dalam pelajaran anak-anak juga menjadi tanggungjawab ibu bapa dalam membantu mereka untuk cemerlang.

Untuk itu, ibu bapa haruslah memberi sokongan moral untuk meningkatkan semangat anak-anak untuk terus maju dan cemerlang. Anak-anak memerlukan sokongan dari ibu bapa untuk terus bersemangat dalam meneruskan kehidupan. Hal ini kerana, dalam konteks perceraian yang menjadi mangsa adalah anak-anak dan mereka sudah terbiasa dengan kehadiran ibu bapa di rumah. Apabila perceraian berlaku, maka anak-anak akan terganggu dari pelbagai sudut kerana kekurangan ahli keluarga dalam kehidupan mereka.

Bagi anak-anak yang terlibat dengan perceraian ibubapa pula, disarankan agar melakukan perbagai aktiviti yang sihat untuk mengelakkan diri dari terlalu memikirkan perceraian ibu bapa yang telah berlaku. Selain itu, dalam kajian ini, kebanyakan responden sering menangis untuk mendapatkan ketenangan apabila perasaan sedih itu hadir terhadap kehilangan yang dirasakan. Sebahagian responden juga meluahkan perasaan yang dialami kepada kawan-kawannya untuk mendapat sedikit kelegaan daripada bebanan emosi yang dihadapi mereka. Menurut Amato (2000), anak-anak lebih banyak menghabiskan masa bersama kawan-kawan dan ia memudahkan mereka untuk meluahkan perasaan terhadap rakannya. Coats dan Blanchard (2008) pula menyokong bahawa kebanyakan pelajar meluahkan perasaan yang dialami kepada kawan yang mereka rapat dalam memahami situasi mereka.

Seterusnya adalah pihak sekolah atau kolej turut memainkan peranan dalam pembentukan pelajar yang cemerlang dalam akademik. Terutamanya para pensyarah perlulah mengambil tahu tentang keadaan dan situasi pelajar. Keadaan keluarga dan kekurangan yang ada dalam diri pelajar perlu dibantu dengan memberikan sokongan emosi supaya dapat meningkatkan kecerdasan emosi dan pelajaran mereka. Hubungan pelajar dan pensyarah juga perlu disesuaikan dengan keadaan dan situasi pelajar iaitu hubungan rapat melalui program-program motivasi dan kerohanian yang diadakan untuk membentuk konsep diri yang positif terhadap pelajar.

Selain itu, pihak sekolah dan universiti juga harus mengadakan program-program yang menerapkan kaedah untuk menguruskan emosi sekiranya pelajar menghadapi masalah-masalah peribadi. Program seperti itu sedikit sebanyak membantu pelajar mampu menangani emosi negatif dalam diri disebabkan perceraian ibu bapa yang berlaku. Hal ini kerana, pihak sekolah dan universiti tidak mampu untuk menyemak kesemua pelajar dari keluarga bercerai tetapi program yang berkaitan dengan mengawal emosi membantu mereka untuk terus cemerlang dan tidak mengakibatkan pelajaran mereka terjejas. Program-program ini biasanya memberi tumpuan untuk membantu pelajar mengatasi emosi dan sosial dengan perceraian ibu bapa mereka (Anthony, DiPerna, dan Amato, 2014).

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, wujudnya gabungan emosi yang positif dan negatif, dan cara menguruskan emosi dalam kalangan pelajar akibat perceraian ibubapa. Perceraian bukanlah isu yang remeh kerana ada pihak yang akan mendapat kesan negatif secara langsung terutamanya anak-anak. Walaupun demikian, perceraian bukanlah penghalang untuk pelajar terus cemerlang dalam akademik. Kajian ini ingin mengetengahkan bahawa perceraian bukan hanya memberi kesan buruk tetapi ia juga kesan kepada pencapaian akademik anak-anak. Kajian ini menjelaskan bahawa pelajar dari keluarga bercerai mampu mendapatkan kecemerlangan di dalam akademik sekiranya mereka ada kekuatan diri dan sokongan daripada pihak lain. Pihak yang terlibat juga perlu memainkan peranan penting dalam membantu untuk mendorong pelajar dalam kalangan keluarga bercerai untuk terus berjaya di dalam akademik mereka.

Rujukan

- Amato, P. R. (2000). The Consequences Of Divorce For Adults And Children. *Journal of Marriage and Family*, 62(4), 1269–1287. <https://doi.org/10.1111/j.1741-3737.2000.01269.x>
- Anthony, C. J., DiPerna, J. C., & Amato, P. R. (2014). Divorce, Approaches To Learning, And Children's Academic Achievement: A Longitudinal Analysis Of Mediated And Moderated Effects. *Journal of School Psychology*, 52(3), 249–261. <https://doi.org/10.1016/j.jsp.2014.03.003>
- Arkes, J. (2013). The Temporal Effects Of Parental Divorce On Youth Substance Use. *Substance Use & Misuse*, 48(3), 290–7. <https://doi.org/10.3109/10826084.2012.755703>
- Belleau, L. (2013). The Impact of Parental Separation on Young Children's Mental Health, 6 (September).
- Chaplin, T. M., & Aldao, A. (2013). Gender Differences in Emotion Expression in Children: A Meta-Analytic Review. *Psychological Bulletin*, 139(4), 735–765. <https://doi.org/10.1037/a0030737>
- Coats, A. H., & Blanchard, F. F. (2008). Emotion Regulation In Interpersonal Problems: The Role Of Cognitive-Emotional Complexity, Emotion Regulation Goals, And Expressivity. *Psychology and Aging*, 23(1), 39–51. <https://doi.org/10.1037/0882-7974.23.1.39>
- Coleman, A., & Snarey, J. (2011). James-Lange Theory of Emotion. *Brain Research*, 2(January 2011), 844–846. <https://doi.org/10.1007/978-0-387-79061-9>
- Connies, S. R. (1994). *Families Today*. Ohio Glencoe, New York: Colombus.
- Eddy, S. (1994). *Counselling for Family Problem*. London: SAGE Publication.
- Fatin Hafizah. (2014). Krisis Hadanah Selepas Cerai. *Berita Harian Online*. Retrieved (15 Ogos, 2019) from <https://www.klik.com.my/item/story/5593302/krisis-hadanah-selepas-cerai>

- Hamidah, S., Afandy, S. T., Norfaezah, M. K., Norsafatul, A. A. R., & Hasbuna, N. S. (2013). Kecerdasan Emosi dalam Meningkatkan Keperibadian Remaja. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), 28–33.
- Haryani Ngah. (2019). Budi MARA Pencetus Pelajar MRSM Cemerlang. *Berita Harian Online*. Retrieved (15 Ogos, 2019) from <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20190815/281530817661494>
- Lansford, J. E. (2009). Parental Divorce and Children's Adjustment. *Journal of Psychological Science*, 4(2), 140-152
- Mustapha, M., & Masdin, M. (2014). Pengaruh Perapatan Ibu, Bapa dan Rakan Sebaya ke Atas Adaptasi Di Universiti Dan Kepuasan Hidup dalam Kalangan Pelajar Tahun Pertama Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014, 1–8. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Ningrum, P. R. (2013). Penyesuaian Diri Remaja. *eJournal Psikologi*, 1(1), 69–79. ISSN 0000-0000, ejournal.psikologi.fisip-unmul.org. [http://ejournal.psikologi.fisip-unmul.ac.id/site/wp-content/uploads/2013/04/JURNAL%20SKRIPSI%20PUTRI%20PDF%20\(04-04-13-09-50-30\).pdf](http://ejournal.psikologi.fisip-unmul.ac.id/site/wp-content/uploads/2013/04/JURNAL%20SKRIPSI%20PUTRI%20PDF%20(04-04-13-09-50-30).pdf). Access date: 15 November 2019
- Nisfiannoor, M., & Eka, Y. D. (2005). Perbandingan Perilaku Agresif Antara Remaja Yang Berasal Dari Keluarga Bercerai Dengan Keluarga Utuh. *Jurnal Psikologi*, 3(1), 1–18.
- Chua, Y.P. (2012) *Mastering Research Methods*. Shah Alam: Mcgraw-Hill Education
- Rahman, H. A. (2008). Isu isu Sosial. Universiti Teknologi Malaysia: Johor.
- Rebecca, U. (2012). Parental Divorce Among Young and Adult Children: A Long-Term Quantitative Analysis of Mental Health and Family Solidarity. *Journal of Divorce & Remarriage*, 53(4), 247–266. <https://doi.org/10.1080/10502556.2012.663272>
- Sarbini, W., & Wulandari, K. (2014). Kondisi Psikologi Anak Dari Keluarga Yang Bercerai. Artikel Ilmiah Hasil Penelitian Mahasiswa, 3(1), 1-5
- Shabuddin, N. S., Johari, N., Abdullah, N., & Aziz, S. (2016). Perceraian dalam kalangan pasangan dewasa pertengahan di pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL) : Eksplorasi Faktor. *Malaysia Journal of Social Science*, 1(3), 37–56.
- Sham, F. M. (2005). Tekanan Emosi Remaja Islam. *Islamiyyat*, 27(1), 3–23.
- Shima, A.-A. (2015). Gender Differences in Emotional Content. *Journal of Language Teaching and Research*, 6(3), 619–626.
- Supratman, L. P. (2015). Konsep Diri Remaja dari Keluarga Bercerai. *Jurnal Penelitian Komunikasi*, 18(2), 88-97. <https://doi.org/10.20422/jpk.v18i2.42>
- Williams, C. (2007). Research Methods. *Journal of Business & Economic Research*, 5(3), 65–72. <https://doi.org/10.1093/fampract/cmi221>
- Yahaya, A., Ma'alip, H., Hashim, S., Boon, Y., & Ramli, J. (2009). Modal Insan : Membentuk Keluarga Berkesan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Zakaria, S., Ahmad, M. I., & Noranizah, Y. (2012). Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012) 155-172.
- Zakiyah, & Ismail. (2004). Ikatan dan kawalan ibu bapa terhadap tingkah laku delinkuens. *Ikatan Dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuens*, 1–10. Retrieved from <http://repo.uum.edu.my/id/eprint/1832> Access date: 07 Ogos 2019
- Zulkefli, N., & Mustapha, Z. (2016). Remaja Daripada Ibu Bapa Yang Bercerai Di Malaysia : Suatu Penelitian Ekspresi Emosi, *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space*, 9(9), 150–160.